

TENGGKUJUH

HARIAN METRO 27/11/2017 M/S 16/15

MULA MENYAPA

36 keluarga ditempatkan di tujuh PPS di empat daerah

Siti Nor Hidayatidayu Razali
sitinor@hmetro.com.my

Kota Bharu

Hujan lebat sejak kelmarin menyebabkan beberapa kawasan di negeri ini dilanda banjir dan seramai 157 mangsa dipindahkan ke Pusat Pemindahan

Sementara (PPS), semalam. Pusat pemindahan pertama dibuka di Kota Bharu jam 12 tengah hari semalam selepas air di beberapa kampung di sekitar Ketereh dinaiki air sehingga 0.5 meter. Sehingga jam 6 petang, sejumlah 36 keluarga ditempatkan di tujuh PPS di empat daerah. Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kelantan

Said Sidup berkata, daerah yang dilanda banjir adalah Kota Bharu, Pasir Mas, Tanah Merah dan Pasir Puteh.

Dua PPS di Kota Bharu membabitkan Pusat Latihan & Dakwah Orang Asli Islamic Outreach ABIM Kelantan, Kok Lanas dan Dewan Besar Melor, Madrasah Haji Daud di Pasir Mas, satu di Tanah Merah di Sekolah Kebangsaan (SK) Kelewek dan tiga di Pasir Puteh iaitu SK Changgai, SK Kamil 1 serta SK Wakaf Raja.

"Kami jangkakan PPS yang bakal dibuka akan bertambah memandangkan hujan lebat masih melanda di beberapa daerah di Kelantan.

"Pihak kami bersedia untuk membantu masyarakat terutama mangsa banjir di kawasan yang rendah," katanya di sini, semalam.

Dalam pada itu, tiga jalan ditutup kepada kenderaan ringan iaitu di Kilometer (KM) 3.2 Jalan Bukit Sireh Kuala Krai, di KM2 Jalan

>>INFO BANJIR KELANTAN

Kota Bharu

84 mangsa daripada 18 keluarga

Pasir Puteh

66 mangsa daripada 15 keluarga

Tanah Merah

17 mangsa daripada empat keluarga

Pasir Mas

Sembilan mangsa daripada tiga keluarga

Paras berjaga-jaga

Sungai Golok di Jenob, Tanah Merah - 21.87 meter
Sungai Golok di Rantau Panjang - 7.84 meter

Paras normal

Sungai Lebir di Tualang dan Sungai Kelantan di Kuala Krai
Sungai Kelantan di Kusial, Tanah Merah
Sungai Kelantan di Jeti Kastam, Kota Bharu
Sungai Semerak di Pasir Puteh

Jalan tutup

Kilometer (KM) 3.2 Jalan Bukit Sireh, Kuala Krai
KM2 Jalan Sungai Mati Kerawang (Machang)
KM6.9 Jalan Machang, Machang



KEADAAN jalan ditenggelami banjir di Kampung Bukit Abar.



PENDUDUK Kampung Tiong mula menggunakan bot untuk keluar mencari bekalan makanan.

Kami jangkakan PPS yang bakal dibuka akan bertambah memandangkan hujan lebat masih melanda di beberapa daerah di Kelantan. Kami bersedia membantu masyarakat"

Said Sidup

Sungai Mati Kerawang (Machang) dan di KM6.9 Jalan Machang, Machang.

Dua sungai utama berada di paras berjaga-jaga iaitu

Sungai Golok di Jenob, Tanah Merah dan Sungai Golok di Rantau Panjang masing-masing 21.87 meter dan 7.84 meter.

Enam sungai lain berada di paras normal iaitu Sungai Lebir di Tualang dan Sungai Kelantan di Kuala Krai, Sungai Kusial Tanah Merah, Sungai di Jeti Kastam, Kota Bharu dan Sungai di Pasir Puteh.

Sementara itu, di Machang sehingga jam 6 petang semalam, sebanyak 12 rumah di Kampung Dewan Besar, Labok dinaiki air namun mereka masih belum berpindah ke PPS.



PENDUDUK, Malek Ridzuan, 38, mengharungi banjir dengan menaiki basikal sedalam 1 meter di Kampung Tiong.